



TAHNIAH: Jualang menyampaikan Anugerah Cemerlang kepada seorang penerima sempena majlis itu.

469 pelajar UMS terima anugerah dekan

UB 28.06.2024 P.02

KOTA KINABALU: Seramai 469 pelajar Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) diraikan dalam Majlis Anugerah Dekan FSSA Semester 1, sesi 2023/2024 baru-baru ini.

Dekan FSSA Prof. Dr. Jualang @ Azlan Abdullah Gansau, berkata majlis itu diadakan bertujuan memberi pengiktirafan kepada pelajar setelah gigih berusaha mendapatkan keputusan cemerlang.

Jualang berkata pengiktirafan itu juga bagi membuktikan bahawa usaha berterusan serta sokongan keluarga menyumbang kepada kecemerlangan pelajar.

“Majlis ini membuktikan kecemerlangan pelajar pada

hari ini adalah refleksi kepada semangat dan usaha berterusan pelajar serta sokongan yang padu daripada ibu bapa, keluarga dan para pensyarah.

“Di samping itu, ia juga bagi membuktikan UMS merupakan sebuah institusi yang mampu untuk melahirkan graduan cemerlang.

“Kejayaan anda pada hari ini bukan suatu yang mudah untuk dicapai. Ini adalah basil ketekunan, dedikasi dan komitmen yang tinggi,” katanya.

Beliau menambah pencapaian cemerlang adalah titik mula dalam mempersiapkan diri pelajar untuk menghadapi cabaran yang lebih besar pada masa hadapan.

“Saya menyeru semua pelajar agar menanam mentaliti sebagai pelajar seumur hidup agar dapat beradaptasi dengan baik mengikut keperluan masa hadapan,” katanya ketika berucap merasmikan majlis itu.

Daripada jumlah yang menerima anugerah, 29 pelajar mendapat markah Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0.

Turut hadir Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa FSSA, Prof. Madya Dr. Darmesah Gabda; Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FSSA, Prof. Madya Dr. Chee Fuei Pien; Ketua Pentadbiran FSSA, Aidah Noordin dan Pengarah Majlis Anugerah Dekan FSSA 2024, Dr. Rubena Yusof.